

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 11 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 58



Anggota penyelamat membawa mayat mangsa lemas di Pantai Batu Layar, Desaru, semalam.

(Foto Ihsan PDRM)

3 bersaudara lemas di pantai Desaru

Kota Tinggi: Dua beradik bersama seorang lagi saudara mereka lemas ketika dikatakan sedang mandi di kawasan pantai peranginan Batu Layar, Desaru, di sini petang semalam.

Mayat tiga wanita itu ditemui orang ramai kira-kira jam 5.30 petang dan disahkan meninggal dunia oleh pegawai kesihatan

yang tiba di tempat kejadian.

Dua beradik terbabit dikenali sebagai Ummu Sulain Mohd Rohim, 23, dan kakaknya, Siti Hajjar Adila, 25. Seorang lagi mangsa dipercayai saudara mereka dikenali sebagai Asiah Abdul Rahman, 41.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Penawar, Mohd Fadli Ismail, berkata pihaknya menerima

panggilan berhubung kejadian pada jam 5.35 petang.

"Pasukan bomba yang tiba di lokasi mendapati tiga wanita yang dilaporkan lemas sudah ditemui orang awam.

"Mereka disahkan meninggal oleh pegawai perubatan Kementerian Kesihatan dan mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan

lanjut," katanya ketika dihubungi. Mohd Fadli memaklumkan, operasi pihaknya ditamatkan pada jam 6.15 petang semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Ashmon Bajah, ketika dihubungi BH, mengesahkan kejadian berkenaan dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.



Asiah Abdul Rahman



Ummu Sulain Mohd Rohim



Siti Hajjar Adila Mohd Rohim